

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 04 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peruntukan yang telah diberikan untuk menerbitkan buku-buku teks Bahasa Kadazandusun sejak mata pelajaran ini diperkenalkan sehingga sekarang bagi sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mata pelajaran Bahasa Kadazandusun telah diperkenalkan mulai tahun 1998 untuk sekolah rendah dan pada tahun 2006 untuk Tingkatan 1 sekolah menengah. Sejak mula dilaksanakan sehingga tahun 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sejumlah RM8.959 juta bagi penerbitan dan pembekalan buku teks Bahasa Kadazandusun untuk kegunaan murid-murid di sekolah rendah dan sekolah menengah. Daripada keseluruhan peruntukan tersebut, sebanyak RM6.096 juta adalah bagi buku teks Bahasa Kadazandusun untuk sekolah rendah dan RM2.863 juta lagi untuk sekolah menengah.

Bagi tahun 2020, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM1.083 juta bagi penerbitan dan pembekalan buku teks Bahasa Kadazandusun untuk kegunaan tahun 2021. Jumlah peruntukan ini merangkumi RM584,500 untuk sekolah rendah dan RM498,500 untuk sekolah menengah. Sehingga kini, sebanyak 410 sekolah rendah dan 44 sekolah menengah menawarkan mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Bilangan murid yang mengikuti mata pelajaran tersebut adalah seramai 47,191 orang murid sekolah rendah dan 6,199 orang murid sekolah menengah.

Sekian, terima kasih.